Masa OPEN Interview, Kalau ada 800 Orang Depan Mata. Terus balik atau stay?

Ok, sebenarnya tajuk yang saya tulis di atas itulah yang terjadi pada saya dalam akhir tahun 2015 kalau tak silap. Masa tu ada open interview untuk salah satu company pelopor dalam industri semikonduktor di Penang.

Namanya, Infenion, buat di Hotel.

Saya segan nak tangkap gambar time tu.

Tapi masa tu memang terlampau ramai sangat orang.

Dah la saya pun datang lambat.

Saya ingat lagi, masa tu saya tengah kerja shift malam di Ipoh, Sun Edison (company ni dah shut down dah pun).

Tiba tiba, member bagi tahu. Ada open interview Infenion di Penang esoknya. Masa tu tak ada pula hati rasa nak pergi atau pun tak, memang saya set nak pergi redah sahaja.

Selamat semua resume dah siap, so plannya, saya print semua di Ipoh dan terus pergi Penang.

Lama juga saya pagi tu susun susun fail dan print semua. Pendek kata, pukul 11 setengah pagi baru sampai Penang.

Dan bila saya masuk sahaja tingkat yang interview tu, nak bagi tahu ramainya, nak jalan pun susah. Terlampau ramai sangat.

Saya tak pernah ada pengalaman macam ni, ada juga terfikir, nak balik ke nak stay.

Tapi saya stay juga lah, sebab alang alang dah datang. Dan tiba tiba pula ada jumpa satu member kilang sama Sun Edison

juga.

Maka melepak lah kami.

Proses Interviewnya?

Proses interviewnya macam ni, biasa company besar sahaja akan buat sistem macam ni.

Daftar → buat soalan quiz → kalau lulus → baru boleh di Interview

Kalau tak lulus → tinggal resume → boleh balik

DiriKu Sebenarnya PENUNGGU

So sebab kan terlampau ramai, memang lama sangat saya tunggu.

Dalam masa tunggu tunggu tu, rasa sedih juga tengok orang yang datang. Ada yang satu group tu, si perempuan muda dukung anak (mungkin menantu atau anak sendiri), lepas tu ada satu makcik (maknye kot) tengah pimpin tangan budak kecil (anaknya kot), dan sebelah lagi tangan makcik tu ada sampul surat, yang kemungkinan besarnya adalah RESUME.

Makcik pun nak cari kerja weiiiii

Ni buatkan saya lagi takut juga, sebab kilang yang saya kerja plan nak shut down, masa time ni pula Intel kalau tak silap, sudah pun shut down salah satu site nya di Malaysia. So itu sebab ramainya sangat.

Pukul 3 baru saya start quiz wei…

Ye, bayangkan dari kul 11 lebih, sampai kul 3 saya tunggu, baru lah mula giliran saya untuk buat quiz.

Rasanya buat dalam 10 minit sahaja kot.

Dan dalam 3 45 macam tu, diorang mula panggil untuk group saya yang buat quiz bersama tadi.

Alhamdullillah saya lepas hasil dari bantuan rakan sebelah, dan juga HR Infenion itu sendiri yang bantu. Hehe

TAPI>>>>>>>>

Tapi apa kan daya, elok je saya sampai untuk ambil result quiz.

Terus HR lain kata,

Maaf ya, kita sedang dalam kesuntukan masa.

So anda tinggal resume, nant kalau layak kami akan call.

Masa tu,saya dah lupa dah saya marah ke apa.

Cuma yang pasti, saya memang tersangat ngantuk.

Dengan malam tu lagi kerja kan.

Tunggu punya tunggu, tak juga si Infenion ni call.

Dan selepas 1 bulan baru lah ring ring ring.

Diorang kata, sila datang untuk sesi temuduga.

Saya pun datang, dalam pukul 12.

Mula mula saya interview dengan 2 engineer nye, lepas tu dengan Manager, pendek kata, pukul 2 ptg baru saya keluar.

Lama kan.

Ye memang lama. Pipi saya dan kebas dah untuk usaha buat muka senyum.

Lepas balik.

Saya macam dapat rasakan yang saya akan dapat.

Tapi pelek juga sebab tak panggil

Tapi ok lah, lepas satu bulan lagi.

Diorang panggil dan saya pun masuk kerja lepas satu bulan lagi nya.

Dan sekarang? Saya di Infenion…

Untuk summary pengalaman saya.

Sorry ya, rasanya dah banyak kali ulang juga tempat kerja saya kat post kat blog ni.

Saja nak buat supaya anda lebih kenal saya.

Kerja Pertama

So saya start kerja dengan kilang design2 macam tu selama 5 bulan.

Lepas 5 bulan saya kena buang. Hehe

Kerja Kedua

Kerja bahagian marketing sebulan. Lepas tu saya cabut…

Kerja Ketiga

Saya kerja di kilang screw di Silibin, Ipoh sebagai operator. Dalam 3 4 bulan kalau tak silap. Punya la penat angkat screw time puasa.

Kerja Keempat.

Yang kilang ni kilang bos yang sama untuk ketiga, tapi cawangan lain lah. Sebabkan saya ada diploma itu sebab bos ni bagi saya pergi kilang dia yang lagi satu. So saya pergi, kerja tak lama pun, rasanya total dua dua kilang dia ni, adalah dalam 7 bulan.

Kilang ke 5

Saya kerja dengan Carsem, semikon, masa ni gaji saya mula naik 2 ribu lebih.

Kerja tak lama juga, dalam 1 tahun 6 bulan. Lepas tu saya berhenti sebab ada kilang lagi best di Ipoh.

Kilang ke 6

Sun Edison, boleh kata, one of the best moment sepanjang saya kerja lah, tapi tu lah. Kilang best memang tak tahan lama. So kerja paling lama setakat ni, 2 tahun.

Masa kerja sini, gaji paling tinggi dalam 5k.

Oklah yang exact nya, 5 ribu 2 ratus. Banyak tu. Paling banyak dalam hidup saya kerja kilang dapat banyak ni.

Saya cari Infenion atas tu sebab kilang ni nak shut down.

Kilang ke 7?

Ni lah Infenion…saya start masuk april 2016, sekarang masa saya tulis ni September 2016.

Berhenti bila? InsyaAllah, lagi 2 bulan..

Ye memang saya nak berhenti lagi…

Walaupun saya pernah dapat gaji hampir 4k, kalau tak silap 3 ribu 9 ratus. Walaupun baru kerja 3 bulan. Tak confirm lagi pun, tapi dah dapat gaji banyak tu kan.

Tapi saya nak berhenti juga. Bukan tak bersyukur tau, tapi elok saya berhenti..

Ada apa apa soalan?